



**2. ATENDAN SWITCHBOARD**  
**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**D.4 EB.5 [\$1,225 - \$1,625 SEBULAN]**  
**KEKOSONGAN=2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) i) Sedang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penolong Atendan Switchboard atau jawatan bersesuaian dalam Tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

Pernah mengikuti dan lulus kursus singkat di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dalam peringkat Pertama (I) dan kedua (II) adalah satu kelebihan.

**ATAU**

- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- c) Bagi pemohon di para b) i) dan ii), keutamaan adalah bagi yang mempunyai kebolehan dalam mengawas kakitangan dibawah jagaannya dan mempunyai kecekapan dalam membuat laporan harian serta berkebolehan dalam mencari menyelaraskan masalah-masalah jentera.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB ATENDAN SWITCHBOARD:**

1. Bertanggungjawab kepada '*Shift-in charge*' dalam mengendalikan dan menguasai switchboard stesen janakuasa dan penyelarasan.
2. Bertanggungjawab ka atas keselamatan kakitangan di bawah jagaannya keselamatan kerja dan alatan jentera janakuasa.
3. Akan diarahkan bekerja bergilir-gilir (*shift-duty*) sama ada di Janakuasa Cawangan Gadong, Lumut atau Belingus Temburong.